

KUALA TRENGGANU, 29 APRIL (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGIGATKAN AHLI-AHLI UMNO TENTANG PENTINGNYA MEREKA BERPEGANG KEPADA PERATURAN DAN KETERTIBAN YANG MENJADI AMALAN PARTI ITU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SEBAHAGIAN DARI SEBAB KEKALNYA UMNO SEBAGAI PEMERINTAH ADALAH KERANA AHLI-AHLINYA BERPEGANG KEPADA KETERTIBAN DAN PERATURAN ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA JIKA AHLI-AHLI UMNO TIDAK BERPEGANG KEPADA PERATURAN-PERATURAN ITU, MEREKA TIDAK AKAN MERUPAKAN SATU PERTUBUHAN DAN TIDAK AKAN BERKUASA DALAM NEGARA INI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN KETIGA PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ULU NERUS DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH SAINS, GONG BADAK DI SINI.

KATANYA, HAL TERSEBUT PERLU DIINGAT KERANA ADA PENDAPAT MENGATAKAN BAHAWA AHLI-AHLI PARTI ITU TIDAK PERLU DIKONGKONG OLEH PENDAPAT PEMIMPIN-PEMIMPIN BESAR. -- BERSAMBUNG 1552/YF

22

B577

MAHATHIR 2 KUALA TRENGGANU

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO TIDAK SELALUNYA BETUL, ADAKALANYA MEREKA SILAP ATAU PENDAPAT MEREKA TIDAK SECUCUK DENGAN PENDAPAT RAKYAT ATAU AHLI-AHLI PARTI.

WALAU BAGAIMANAPUN UMNO ADA MENYEDIAKAN SALURAN DAN CARA UNTUK MENYUARAKAN RASA TIDAK PUASHATI.

IA DITENTUKAN BUKAN KERANA INGIN MENYEKAT PENGKRITIK-PENGKRITIK DALAM UMNO TETAPI SUPAYA PERPADUAN DALAM PARTI TIDAK TERANCAM KERANA PENDAPAT YANG BERLAINAN ANTARA PEMIMPIN DENGAN PENGIKUT, KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA SEBAB ITULAH AHLI-AHLI PARTI PERLU MENGGUNAKAN PERATURAN-PERATURAN ITU, KALAU TIDAK KEADAAN TIDAK AKAN BEGITU MENYENANGKAN DAN UMNO AKAN MENJADI LEMAH.

BELIAU MENDAPATI ADA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG MEMBUAT UCAPAN MENENTANG TINDAKAN-TINDAKAN KERAJAAN YANG DILULUSKAN OLEH MENTERI-MENTERI UMNO SENDIRI.

KATANYA MEREKA ITU MENGANCAM DASAR-DASAR YANG TELAH DITENTUKAN OLEH KERAJAAN SEOLAH-SEOLAH KERAJAAN ITU ADALAH KERAJAAN PEMBANGKANG. -- BERSAMBUNG 1557/YF

MAHATHIR 3 KUALA TRENGGANU

BELIAU MENYEBUT CONTOH AKTA PENYELARAS PERINDUSTRIAN. KATANYA ADA AHLI UMNO YANG MENYALAHKAN AKTA TERSEBUT DENGAN MENGATAKAN IA MENYEBABKAN KURANGNYA TANAMAN MODAL WALAUPUN UNDANG-UNDANG ITU SEBENARNYA DIBENTUK OLEH KERAJAAN YANG DIDOKONG OLEH UMNO SENDIRI.

BELIAU BERKATA JIKA ADA AHLI-AHLI UMNO TIDAK BERPUASHATI DENGAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT, UMNO TELAH MENENTUKAN SALURAN UNTUK MENKRITIK DAN MEMBETULKAN APA-APA YANG TIDAK BETUL.

DENGAN CARA ITU PERPADUAN PARTI TIDAK AKAN DIPECAHKAN DAN KEDUDUKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TIDAK MENJADI LEMAH.

BELIAU MENEGASKAN KALAU AHLI-AHLI UMNO TIDAK MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG MENJADI ANGGOTA KERAJAAN, MUSTAHIL PARTI LAIN DALAM BARISAN NASIONAL MENGHORMATI PEMIMPIN-PEMIMPIN DARI UMNO.

DR. MAHATHIR BERKATA ORANG-ORANG MELAYU SUKA KEPADA KETERTIBAN DAN MEMANG MENGIKUT ADAT YANG MENENTUKAN TIAP-TIAP TINDAK-TANDUK MEREKA SEPANJANG MASA.

DR. MAHATHIR JUGA MENIMBULKAN SOAL PENDURHAKAAN.

KATANYA WALAUPUN ORANG MELAYU TIDAK AKAN MENDURHAKA TETAPI INI BUKANLAH SATU PERKARA YANG TIDAK MUNGKIN LANGSUNG BERLAKU. TETAPI MEREKA JANGANLAH MENDURHAKA CUMA KERANA INGIN MENDURHAKA DENGAN TANPA SEBAB TERTENTU. -- BERSAMBUNG 1703/YF

££
B579

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA BELIAU MENIMBULKAN PERKARA INI KERANA ADA GOLONGAN YANG MENIMBULKAN MASALAH WALAUPUN TIDAK HARUS ADA MASALAH KERANA MEREKA BERTUJUAN UNTUK MENGUJUDKAN KUCAR-KACIR.

KATANYA WALAUPUN NEGARA MENGHADAPI BERBAGAI MASALAH SEPerti KOMUNIS DAN DADAH DAN RAKYAT PERLU MENUMPU TENAGA MENGATASINYA, TETAPI SEBILANGAN DARI MEREKA MENARIK PERHATIAN RAKYAT KEPADA MASALAH YANG DIJADI-JADIKAN.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU AHLI-AHLI UMNO BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU MEMBUANG SESUATU AMALAN YANG BAIK UNTUK DIGANTIKAN DENGAN SATU AMALAN YANG BELUM TENTU MEMBERI KEBAIKAN KEPADA MEREKA.

TERDAHULU DARI ITU KETIBAAN DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA DR. HASMAH TELAH DISAMBUT DI LAPANGAN TERBANG TELAGA BATIN OLEH MENTERI BESAR, DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN LAIN-LAIN KENAMAAN.

MEREKA JUGA DIBERI SAMBUNTAN MERIAH DENGAN KUMPULAN KOMPANG DAN PERARAKAN BUNGA MANGGAR OLEH PEMUDA DAN WANITA UMNO BAHAGIAN ITU SETIBANYA DI KAWASAN SEKOLAH TERSEBUT. --BERNAMA